


LOGO PERSATUAN BERSEMANGAT SUCI



Logo Persatuan Bersemangat Suci di atas direka bentuk oleh pengasas persatuan, pendita Sun-Myung Moon pada 1954 semasa beliau memulakan aktiviti persatuan di Korea. Kini logo ini digunakan mewakili persatuan di 120 buah negara, termasuk di Malaysia.

Bulatan kecil di tengah, mewakili Tuhan, sebagai pusat atau pencipta.

12 anak panah yang menuju ke pusat bulatan, mewakili "12 gates" yang menuju ke Jerusalem baru, tercatat dalam Bible, Revelation 21.10-14. Ia juga bermakna 12 kelakuan manusia yang berbeza.

Anak panah yang membentuk bulatan besar, menunjukkan teori pemberian-penerimaan (give dan take) di antara Tuhan, manusia dan pencipta dunia.

4 anak panah menuju ke pusat bulatan, menunjukkan Tuhan, prinsip benar, nyawa dan cahaya.

JADUAL 1 : PASANGAN YANG MENYERTAI "MASS-WEDDING"

| TARIKH | JUMLAH PASANGAN | TEMPAT |
|--------------|---------------------------|----------------------------|
| 16. 4.1960 | 3 | Seoul |
| 15. 5.1962 | 33 | Seoul |
| 4. 7.1961 | 72 | Seoul |
| 24. 7.1963 | 124 | Seoul |
| 22. 2.1968 | 436 | Seoul |
| ?? .2-3.1969 | 43 | Seoul/ Jerman/ Jepun |
| 21.10.1970 | 777 | Seoul |
| 8. 2.1975 | 1,800 | Seoul |
| 1. 7.1982 | 2,075 | New York |
| 14.10.1982 | 6,000 | Seoul |
| 12. 4.1986 | 36 | Seoul |
| 1988 | Matlumat tidak diperolehi | |
| 1989 | Matlumat tidak diperolehi | |

JADUAL 1.1 : PASANGAN MENYERTAI "MASS-WEDDING" DI MALAYSIA

| TAHUN | PASANGAN |
|--------|----------|
| 1982 | 10 |
| 1988 | 10 |
| 1989 | 30 |
| Jumlah | 50 |

Rajah 1 : Ahli Jawatan Kuasa Utama Persatuan
Bersenangat Suci pada 1980 semasa didaftarkan dengan rasmi :

